

**SEMINAR  
MAJLIS ILMU DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA  
SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN  
ULANG TAHUN KEPUTERAAN KEBAWAH DULI  
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
KE 61 TAHUN**

**KEPERLUAN ILMU-ILMU SYARIAT DALAM AMALAN TARIQAT**

**Oleh:**

**Dato' Seri Setia Haji Kasim bin Haji Lamat.**

**PADA : Hari Selasa 08 Sya'ban 1428 bersamaan 21 Ogos 2007.**

**Tempat : Dewan Serbaguna Jabatan Bomba dan Penyelamat.**

**KEPERLUAN ILMU-ILMU  
SYARIAT DALAM AMALAN TARIQAT  
OLEH**

**Dato' Seri Setia Haji Kasim bin Haji Lamat  
Dalam**

**Seminar Majlis Ilmu Di Daerah Brunei dan Muara  
Pada  
Hari Selasa 08 Sya'ban 1428/21 Ogos 2007**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
بسم الله الرحمن الرحيم

**1- MUQADDIMAH**

Apabila kita membincangkan tentang keperluan ilmu-ilmu Syariat dalam amalan Tariqat, maka hal-hal yang berhubung dengan Tariqat dan beberapa persoalan mengenainya perlu diperkatakan. Dalam kertas kerja ini, penulis tidak berhasrat mengupas secara panjang lebar mengenai Tariqat dan ajarannya, cuma penulis menyentuh secara ringkas sahaja dengan memfokuskan beberapa aspek yang difikirkan perlu sesuai dengan tajuk yang dibincangkan.

Dalam kertas kerja ini, penulis (berdasarkan ilmu yang sedikit) menguraikan pengertian **Syariat** dan **Tariqat**, hubungan Tariqat dengan **Tasawuf**, **Syariat** dan **Hakikat**, dan diselitkan beberapa nas Al-Quran dan juga beberapa kumpulan Tariqat yang menyeleweng di Negara ini dan diakhiri dengan beberapa saranan dan pandangan.

## 2- TARIQAT

Tariqat berasal dari perkataan Arab “**Al-Tariq**” yang bermaksud perjalanan dan perkataan Tariqat ini di guna pakai dalam bahasa melayu.

“**Al-Tariq**” pula ialah jalan, manakala orang yang berjalan menuju ke suatu matlamat atau tempat sasaran, iaitu dinamakan “**As-Salik**” (السالك) dan “**Al-Turuq**” (الطرق) adalah perkataan Jama’ dari perkataan (الطريقة) yang bererti jalan-jalan yang dilalui.

Terdapat banyak perkataan yang sama ertinya dengan perkataan (الطريق) dan (الطريقه) antaranya (الصراط), (السبيل) dan (الطراط المستقيم) yang bermaksud jalan yang lurus dan diredhai Allah Subhanahu Wataala.

Dalam ilmu Tasawuf pula, perkataan (الطريقه) ini bermaksud Tariqat atau perjalanan di atas landasan dan jalan yang membawa kepada mengenal Allah dan menuju keredhaan Nya; jalan yang melalui landasan yang hak dan benar, jalan yang diredhai Allah berdasarkan hidayat dan petunjuk dari Nya, serta berdasarkan kepada wahyu dari Allah yang bersumberkan Al-Quran dan as-sunnah Rasulullah dengan tujuan معرفة الله (mengenal Allah) محبة الله (mengasihi Allah) dan المشاهدة bersaksi kepada Allah Subhana Wataala.

Maka mereka yang bertariqat atau berjalan di atas dasar tersebut dinamakan “**As-Salik**” dan kata jama’ dari perkataan ini ialah “**As-Salikin**”. Terdapat banyak kitab-kitab yang di tulis oleh ulama-ulama Tasawuf berhubung dengan persoalan Tariqat ini dengan tujuan untuk membimbing umat Islam ke arah Makrifatillah, Mahabbatillah dan bermusyadah yang antara lain seperti kitab “منهاج”, “اللمع”, لطائف المتن احياء علوم الدين “العابدين”.

Bahkan ada di antara tajuk kitab seperti di atas telah menggunakan perkataan “السالك” seperti kitab “مدارج السالكين” (سير السالكين) dan “هداية السالكين”.

Berdasarkan kepada sejarah, istilah Tariqat dalam ilmu Tasawuf telah wujud selepas zaman permulaan Islam, walaupun istilah ini tidak secara langsung merupakan istilah Al-Quran, tetapi kewujudannya bukanlah satu yang bertentangan dengan Al-Quran selama mana ianya tidak bercangah dari segi makna dengan ajaran Islam, lebih-lebih lagi istilah Tariqat ini diilhami oleh Al-Quran itu sendiri.

Sehubungan dengan ini, As-Syeikh Abdus Samad Al-Palimbani seorang ulama Tasawuf telah mengatakan bahawa; Tariqat dan Suluk, itu lah jalan kepada mengetahui ilmu hakikat, dan ianya dinamakan (العلم النافع) iaitu ilmu yang memberi manfaat di akhirat dan dinamakan pula ia ilmu Tasawuf (1). Dengan pengertian yang lebih khusus Al-Tariqat sebagai mana yang dicatitkan oleh Al-Jarjani katanya;

الطريقة هي السيرة المختصة بالسالكين الى الله تعالى مع قطع المنازل والترقى في المقامات

---

(1) سير السالكين – Syeikh Abdus Samad Al-Palimbani m/s 6

Maksudnya; Al-Tariqah ialah perjalanan yang khusus bagi para Salikin (mereka yang menjalani perjalanan) menuju Allah Taala dengan melalui beberapa peringkat dan menaiki beberapa Maqam (3).

### 3- SYARIAT

Berdasarkan pengertian umum, Syariat itu ialah Ugama Islam (دين الاسلام) itu sendiri, kerana Syariat bererti tiap-tiap perkara yang diperundangan oleh Allah Subhanahu Wataala dan juga ajaran Islam keseluruhannya, sumbernya adalah wahyu iaitu Al-Quran atau sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang meliputi hukum-hukum fiqah, hukum-hukum aqidah, hukum-hukum akhlak dan ihsan dan seterusnya (2).

Jika difahamkan dari tafsiran umum ini, maka Islam itu seluruhnya bererti Syariat, ianya lebih umum dan menyeluruh daripada fiqah, tasawuf, akhlak, aqidah, bahkan lebih dari hanya mengatur hidup manusia sesama manusia atau manusia dengan Allah Subhanahu Wataala, atau manusia dengan dirinya sendiri dan keluarga, atau manusia dengan mahluk-mahluk Allah yang lain seperti binatang, tumbuh-tumbuhan, batu, kayu, air, udara dan alam sekeliling. Malahan pengertian Islam atau Syariat itu mengatur seluruh perundangan peraturan, ajaran, falsafah, tuntutan dan larangan.

Ada sesetengah ulama yang mentakrifkan Syariah itu dengan skop yang lebih sempit, bahawa Syariat itu bererti undang-undang dan peraturan Islam dan ada ulama yang mentakrifkan lebih khusus lagi bahawa Syariat itu bererti Al-Fiqah Al-Islam, dengan pengertian yang khusus ini maka bidang Syariat itu amat terhad dan sempit (4).

Berdasarkan pengertian yang sempit dan terhad ini, maka sebahagian besar ulama membahagikan Islam itu seperti berikut:

- (i) Islam itu ialah Syariat dan aqidah.
- (ii) Islam itu ialah Syariat, aqidah dan akhlak.
- (iii) Islam itu ialah Syariat, aqidah dan ihsan.
- (iv) Islam itu ialah (Syariat) iman (iaitu aqidah) dan ihsan (iaitu tasawuf dan akhlak).
- (v) Ada pula yang membahagikan Islam itu ialah Syariat, tariqat dan hakikat.

Pembahagian Islam kepada Syariat, tariqat dan hakikat adakah berdasarkan pembahagian oleh ulama tasawuf yang beasaskan kefahaman mereka terhadap ilmu-ilmu Islam.

---

(2) المدخل لدراسة الفقه الإسلامي – Dr Yusuf Musa m/s 9

(3) طريقة تصوف – Sulaiman Yasin m/s 28

(4) المدخل لدراسة الفقه الإسلامي – Dr Yusuf Musa m/s 10

Walaupun terdapat banyak pendapat tentang pembahagian Islam, tetapi hakikat Islam itu tetap satu, kerana pembahagian –pembahagian itu berbeza disebabkan perbezaan cara untuk memahami Islam.

Pembahagian yang berbeza ini. Pada hakikatnya tidaklah menyebabkan kekeliruan terhadap Islam, melahan ianya merupakan usaha ulama-ulama Islam untuk mempermudah umat Islam memahami dan menghayati Islam. Apapun istilah yang digunakan oleh ulama, Islam itu tetap satu iaitu agama Allah yang di bawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berdasarkan ajaran-ajaran Al-Quran dan As-Sunnah sebagai sumber utama perundangan, ajaran dan falsafahnya. Oleh itu perbezaan pengguna istilah tidaklah mencatatkan kemurnian Islam dan tidak juga mencemarkan kebenarannya.

#### **4- SUMBER DAN DASAR ILMU TARIQAT**

Sumber dan dasar ilmu Tariqat adalah Al-Quran dan As-Sunnah. Sesuai dengan pengertian Tariqat itu oleh ulama Tasawuf ialah jalan atau perjalanan menuju Allah dan cara-cara untuk berhadapan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keimanan dan keikhlasan dan berjalan di atas landasan yang haq dan benar, di bawah cahaya hidayat Allah Subhanahu Wataala di pandu oleh wahyu Allah, sama ada yang di baca (Al-Quran) atau pun tidak. Dan ianya tidak keluar dari ruang lingkup ajaran Islam dan perjalanan Syariat Allah, sumbernya adalah ajaran dan didikan yang telah disampaikan oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam dan tercetus dari akhlak Al-Quran iaitu akhlak Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Perjalanan hidup Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam zahir dan batin yang nyata dan tersembunyi adalah terjemahan yang tepat dan penghayatan yang sejati pada perjalanan menuju Allah. Perjalanan inilah yang seterusnya diikuti oleh para sahabat, tabi'in dan atba' at-tabi'in dan seterusnya perjalanan dan jejak langkah mereka diikuti oleh Al-Mu'minin As-Salihun (المؤمنون الصالحون) dan ulama Al-Amilun (العلماء العاملون).

Maka jelaslah bahawa sumber dan dasar ilmu Tariqat yang betul dalam Islam ialah Al-Quran dan As-Sunnah. Manakala cara hidup sahabat Rasulullah dan ulama-ulama yang menjadi pewaris Nabi-Nabi adalah juga menjadi sumber amalan Tasawuf dan Tariqat, namun ia tetap tidak terkeluar dari ruang lingkup ajaran yang terkandung dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

#### **5- BEBERAPA NAS AL-QURAN**

Tariqat yang betul dan berjalan dilandaskan Uagama Islam ialah Tariqat yang menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai sumber dan dasar kepada ilmu Tasawuf dan Tariqat. Dalam perkara ini, penulis hanya mengambil sebahagian daripada nas-nas tersebut yang mana hanya bertujuan untuk memberikan contoh pengambilan dan

istinbat ulama Tasawuf dan Tariqat yang mana nas-nas tersebut dijadikan sebagai pegangan dan hujjah seperti berikut:-

(5.1) Permulaan bagi **As-Salik** dalam perjalanan menuju Allah ialah membersihkan hati dan mentarbiahnya, bermujahadah dan riadah berdasarkan firman Allah Subhanahu Wataala:

والذين جهدوا فينا لنهدينهم سبلنا وان الله لمع المحسنين  
العنكبوت 69

Maksudnya: “ Dan orang-orang yang berusaha bersungguh-sungguh pada jalan Kami dengan (dengan mememuhi kehendak Agama Islam) sesungguhnya kami akan memberikan pada mereka itu hidayat dan petunjuk pada jalan kami dan sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya”.

Firman Allah:

وأما من خاف مقام ربه, ونهى النفس عن الهوى , فاعن الجنة هي المأوى  
النازعات 40-41

Maksudnya: “ Adapun orang-orang takutkan keadaan semasa ia berdiri di Mahkamah Tuhan nya (untuk di hitung amalannya) serta ia menahan dirinya Dari menurut hawa nafsunya, maka sesungguhnya syurga tempat kediamannya.

Firman Allah:

ان النفس لامارة بالسوء الا ما رحم ربي -  
يوسف 53

Maksudnya: “ Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan kecuali orang-orang yang telah di beri rahmat oleh Tuhan ku (maka terselamat ia dari hasutan nafsu itu)”.

Firman Allah:

قدأفلح من زكها , وقدخاب من دسها-  
الشمس 9-10

Maksudnya: “ Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya- yang sedia bersih- bertambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan) dan sesungguhnya hampalah yang menjadikan dirinya- yang bersih- itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran dan maksiat)”.

(5.2) **Maqam Taqwa** pula, mereka bersandarkan firman Allah Taala:

ان أكرمكم عند الله أتقكم-  
الحجرات 13

Maksudnya: “ Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu”.

(5.3) **Maqam Zuhud** pula, mereka bersandarkan firman Allah Taala:

قل متع الدنيا قليل والأخرة خير لمن اتقى-  
النساء 77

Maksudnya: “ Katakanlah (hai Muhammad) mata benda yang menjadi kesenangan di dunia ini adalah sedikit sahaja dan (balasan) hari akhirat itu lebih baik lagi bagi orang-orang yang bertaqwa (kerana ia lebih mewah dan kekal selama-lamanya)”.

Firman Allah Taala:

بل تؤثرون الحياة الدنيا . والأخرة خير وأبقى-  
الأعلى 16 - 17

Maksudnya: “Bahkan kamu utamakan kehidupan dunia pada hal kehidupan akhirat lebih baik dan kekal”.

(5.4) **Maqam Tawakkal** pula mereka bersandarkan kepada firman Allah Taala:

ومن يتوكل على الله فهو حسبه-  
الطلاق 3

Maksudnya: “ Dan (ingatlah) sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)”.

(5.5) **Maqam Syukur** bersandarkan kepada firman Allah Taala:

لئن شكرتم لأدع ز يدنكم-  
ابراهيم 7

Maksudnya: “ Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku (Allah) akan tambahi nikmatKu kepada kamu”.

(5.6) **Maqam Sabar**, mereka bersandarkan dengan firman Allah Taala:

واصبر وماصبرك الا بالله-  
النحل 127

Maksudnya: “ Dan bersabarlah (wahai Muhammad) dan tiadalah berhasil kesabaran mu melainkan dengan Allah”.

Dan firman Allah Taala:

وبشر الصبرين-  
البقره 155

Maksudnya: “ Berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar”.

(5.7) **Maqam Redha** berasaskan firman Allah Taala:

رضى الله عنهم ورضوا عنه ذلك الفوز العظيم-  
المائدہ 119

Maksudnya: “ Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia. Itulah kejayaan yang amat besar”.

(5.8) **Maqam Haya'**, mereka berasaskan firman Allah Taala:

الم يعلم بأن الله يرى-  
العلق 14

Maksudnya: “ Tidakkah ia mengetahui bahawa sesungguhnya Allah melihat (segala amal perbuatan dan membalasnya)”.

(5.9) **Maqam Fakir**: Yang dimaksudkan fakir di sini ialah fakir yang berhajat kepada Allah dan terkaya dari manusia. Sehubungan dengan Maqam ini mereka berasaskan kepada firman Allah Taala:

للفقراء الذين أحصروا في سبيل الله لا يستطيعون ضربا في الأرض-  
البقرة 273

Maksudnya: “ Bagi orang-orang fakir yang telah menentukan dirinya (dengan menjalankan khidmat atau berjuang) pada jalan Allah (membela Islam) yang berupaya mengembara di muka bumi”.

(5.10) **Maqam Mahabbah**; bersandarkan dengan firman Allah Taala:

يا ايها الذين ءامنوا من يرتد منكم عن دينه , فسوف يأتى الله بقوم يحبهم ويحبونه  
54 الملندة

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, sesiapa di antara kamu berpaling tadah dari agama Nya (menjadi murtad) maka Allah akan mendatangkan suatu kaum yang ia kasihkan mereka dan mereka juga kasihkan dia”.

## 6- AHWAL TARIQAT

Dalam ilmu Tariqat yang betul akan bersandarkan kepada nas-nas Syariat berhubungan dengan Ahwal berikut:

(6.1) **Hal Khauf** (حال الخوف) bersandarkan kepada firman Allah Taala:

تتجافى جنوبهم عن المضاجع يدعون ربهم خوفا وطمعا-  
السجدة 16

Maksudnya: “Mereka merenggangkan dari tempat tidur (sedikit sangat tidur kerana mengerjakan sembahyang Tahajjud dan amal saleh) mereka sentiasa berdoa kepada Allah dengan perasaan ingin memperolehi lagi (tamak pada kurniaan Nya)”.

(6.2) **Hal Raja'** (حال الرجاء) bersandarkan kepada firman Allah Taala:

فمن كان يرجوا لقاء ربه فليعمل عملا صالحا-  
الكهف 110

Maksudnya: “Oleh itu sesiapa yang percaya dan berharap (raja') akan pertemuan dengan Tuhannya hendaklah ia mengerjakan amal yang saleh”.

(6.3) **Hal Hazan** (حال الحزن) berasaskan firman Allah Taala:

وقالوا الحمد لله الذى اذهب عنا الحزن-  
فاطر 34

Maksudnya: “Dan (sebagai bersyukur) berkatalah mereka, segala puji tertentu bagi Allah yang menghapuskan perasaan dukacita dari kami”.

## **7- ZIKIR AMALAN TERPENTING TARIQAT**

Amalan perjalanan Tariqat yang terpenting ialah zikir, sumbernya adalah dari nas-nas Syariat. Zikir mempunyai adab dan caranya, ia merupakan riadhah dan terbiyyah. Di antara ayat-ayat Al-Quran yang menjadi sandaran ialah.

Firman Allah Taala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوا اللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا-  
الاحزاب 41

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman ingatlah serta sebutlah nama Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya”.

Firman Allah Taala lagi:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَمًا وَقَعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِكُمْ-  
النساء 103

Maksudnya: “Maka apabila kamu selesai sembahyang maka berzikirlah kepada Allah di waktu berdiri, duduk dan berbaring”.

## **8- HUBUNGAN TARIQAT DENGAN TASAWUF**

Saya tidak bermaksud menghuraikan secara panjang lebar hubungan Tariqat dengan Tasawuf ini. Cuma saya jelaskan secara ringkas bahawa Tariqat merupakan minhaj dan wasilah atau boleh dikatakan sebagai cara perjalanan di dalam kehidupan Tasawuf yang menjalani hidup sebagai seorang Sufi. Secara umum boleh dikatakan seorang Sufi atau mutasawif bererti ianya berjalan di atas Tariqat. Tetapi tidak bererti jika setiap orang menghayati hidup sebagai Sufi itu disyaratkan menjadi ahli Tariqat.

Berdasarkan sejarah, Tariqat tidak berpisah dari Tasawuf, perkembangan ilmu Tariqat bererti perkembangan ilmu Tasawuf. Sudah menjadi kenyataan bahawa Tariqat adalah sebahagian dari unsur terpenting di dalam Tasawuf.

Sehubungan dengan ini, As-Syeikh Abdus Samad dalam kitabnya (سير السالكين) ada menerangkan:

Di petiknya dari perkataan Imam Al-Ghazali di dalam kitabnya Juwahir Al-Quran mengatakan: bahawasanya ilmu tariqat dan suluk dinamakan ilmu Tasawuf. Seterusnya beliau menulis: iaitu ilmu makrifat Allah dan dinamakan ilmu hakikat. Adapun ilmu tariqat dan suluk itu, iaitu jalan kepada mengetahui ilmu hakikat (5).

---

(5) سير السالكين – As-Syeikh Abdus Samad Al-Palambani m/s 5

Berdasarkan pandangan Al-Iman Ghazali ini, maka adalah jelas bahawa Tasawuf itu mengandungi unsur: **Tariqat** dan **Hakikat**. Tariqat merupakan jalan atau wasilah yang dijalani atau dilalui di dalam Tasawuf, manakala Hakikat pula adalah merupakan natijah atau matlamat yang mungkin dapat dicapai daripada perjalanan tersebut.

Tariqat ialah sudut atau unsur yang boleh diusahakan melalui riadhah dan mujahadah, usaha untuk mendapatkan maqam-maqam perjalanan menuju Allah. Sementara Hakikat merupakan sudut diluar usaha dan kehendak yang salik, tetapi hanyalah menjadi hak Allah kepada sesiapa yang dikehendaknya dari golongan hamba-hambanya yang soleh. Maka bolehlah disimpulkan bahawa Tasawuf itu mengandungi dua sudut:

Pertama: sudut di sebut **Makasib** (مكاسب).

Kedua: sudut di sebut **Mawahib** (مواهب).

Sudut Makasid boleh diusahakan melalui riadhah dan mujahadah. Manakala sudut Mawahib pula adalah sudut yang dikurniakan melalui limpahan dan kelebihan Allah semata-mata.

Jika Tasawuf itu semuanya Mawahib, maka sudah tentu tidak ada Mujahadah yang begitu hebat yang telah dilalui oleh keseluruhan ahli Sufi. Dan jika tasawuf itu semuanya Makasib, maka sudah pasti semua murid yang salik dengan sendirinya akan menjadi Sufi yang sebenar. Oleh itu, telah ditegaskan oleh semua ahli Tasawuf yang sebenar bahawa: Di dalam Tasawuf pasti melalui "**Tariqat**" yang mengandungi usaha besar atau Mujahadah tetapi walau bagaimana hebatnya "**Mujahadah**", ia tidak memastikan mencapai "**Hakikat**". Jelasnya tanpa Tariqat tidak ada Tasawuf, tetapi Tariqat itu sendiri tidak memastikan bagi si hamba yang saleh mencapai hakikat tanpa Allah sendiri yang menyampaikan kepadanya (6).

Kesimpulannya, Tasawuf itu mengandungi dua unsur terpenting, iaitu: **Tariqat** dan **Hakikat**. Tariqat ialah cara atau wasilah jalan yang menyampaikan kepada Hakikat. Dan Hakikat pula adalah merupakan gayah atau matlamat dari Tariqat tersebut.

---

(6) طريقة تصوف – Muhammad Sulaiman m/s 33

## **9- HUBUNGAN ANTARA SYARIAT, TARIQAT DAN HAKIKAT**

Untuk membicarakan keperluan ilmu-ilmu syariat dalam amalan Tariqat, maka adalah perlu kita sentuh secara ringkas mengenai hubungan antara Syariat, Tariqat dan Hakikat.

Perbincangan mengenai perkara ini, saya fokaskan pandangan dan pendapat ulama tasawuf tentang perkara ini.

Menurut ulama Tasawuf, Agama (الدين) itu ialah: Islam, iman dan ihsan. Ini adalah berdasarkan hadith sahih yang masyur. Maka ulama Sufi berpendapat bahawa Islam itu ada tiga peringkat atau martabat:

Pertama: **عمل الاسلام**: Tingkah-laku perbuatan Islam.

Kedua: **عمل الايمان**: Tingkah-laku perbuatan Iman.

Ketiga: **عمل الاحسان**: Tingkah-laku perbuatan Ihsan.

Dari ketiga-tiga peringkat dan martabat ini, diertikan bahawa martabat pertama ialah **عمل الشريعة**, martabat kedua ialah **عمل الطريقه** dan martabat ketiga ialah **عمل الحقيقه**.

**As-Syariah** ialah: Beribadat kepada Allah.

**As-Tariqah** ialah: Menuju Allah dan **Al-Hakikah** pula ialah : Musyahadah.

Berdasarkan peringkat-peringkat itu maka ulama Tasawuf mengariskan tujuan dan sempadan perbuatan seperti berikut:

- (1) **As-Syariah** : Bertujuan membetulkan yang zahir dengan cara meninggalkan larangan dan mematuhi suruhan.
- (2) **At-Tariqah** : Bertujuan membetulkan yang batin dan jiwa dengan cara membersihkan diri dan jiwa dari segala kekotoran dan kekurangan dan berhias dengan kebaikan dan kesempurnaan.
- (3) **Al-Hakikah** : Bertujuan membetulkan rahsia-rahsia yang tersembunyi, hakikatnya ialah dengan cara Muraqabatullah (mendekatkan diri kepada Allah) di dalam setiap lintasan hati, perkataan dan perbuatan (7).

Sehubungan dengan ini, As-Syied Ahmad Taufiq dalam bukunya **التصوف الاسلامى** mengatakan:

“At-Tariqat adalah natijah syariat, dan hakikat adalah natijah tariqat, sekiranya kamu telah membersihkan syariat iaitu beramal dengan amalan yang menghampirkan diri kepada warak (و ر ع) dan taqwa tanpa mencari peluang kelongaran di dalam syariat,

---

(7) **التصوف الاسلامى** – Ahmad Taufiq Iyad m/s 152 dan 153

maka telah lahir pada mu at-tariqat, dan jika kamu telah membersihkan tariqat mu maka lahirlah dirinya rahsia-rahsia al-hakikat (8)”.

Yang dimaksudkan oleh As-Syeikh Ahmad Taufiq dengan perkataan “Peluang Kelongaran” ialah mencari jalan-jalan yang mudah dan senang di dalam syariat, iaitu (تتبع الرخص) dan meninggalkan yang lebih sempurna iaitu (الاحوط).

Untuk jelasnya ulama sufiah memberikan contoh seperti berikut:  
Seorang yang sedang berpuasa jika ia makan batallah puasanya menurut Syariat. Sekiranya ia mengumpat maka batallah puasanya menurut Tariqat. Sekiranya hati dan jiwanya berpaling dari Allah maka batallah puasanya menurut Hakikat.

Menurut Ibnu Abidin, berdasarkan pendapat Al-Qadhi Zakaria: Tariqat adalah jalan, bertariqat bermakna berjalan di atas landasan Syariat, dan Syariat itu ialah perbuatan yang di syara’kan ini bermakna Tariqat, Syariat dan Hakikat tiga perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana jalan menuju Allah itu ada dua: Zahir dan batin, yang zahir ialah Syariat dan Tarqat, manakala yang batin itu ialah Hakikat. Tujuan ketiga-tiga perkara ini ialah untuk menegakkan ubudiyah (عبوديه) seperti yang dikehendaki oleh Allah terhadap hambaNya (9).

Untuk lebih jelas, hubungan di antara As-Syariah, at-Tariqat dan al-Hakikah ini boleh diibaratkan seperti merawat dan mengubati orang sakit yang di serang berbagai penyakit. Syariat diibaratkan seperti buku rujukan perubatan yang memberikan maklumat tentang cara-cara mengubati dan menyembuhkan penyakit. Tariqat pula diibaratkan seperti melaksanakan kehendak perubatan yang terkandung dalam buku perubatan tadi untuk mengubati penyakit. Manakala Hakikat pula diibaratkan sembuhnya penyakit tersebut dan tercapainya kesihatan yang di kehendaki (10).

Ada juga menjelaskan kedudukan Syariat, Tariqat dan Hakikat seperti berikut:

**Syariat** : Ialah petanda jalan, iaitu hukum-hukum yang wajar dipatuhi oleh seseorang yang menjalani as-sirat al-mutaqim (peraturan tersebut adalah syariat).

**Tariqat** : Orang yang berjalan di atas dasar Syariat dan mematuhi hukum dan peraturan Syariat itu ialah: As-Salik iaitu pengikut Tariqat. Ini bererti Syariat ialah memberikan petunjuk untuk mengharungi perjalanan ke arah yang lebih sempurna berdasarkan petunjuk dan arahan Syariat. Patuh kepada arahan dan petunjuk Syariat adalah perbuatan At-Tariqat.

---

(8) التصوف الاسلامي – Ahmad Taufiq Iyad m/s 185

(9) مدارج الحقيقه في الرابطة عنداهل الطريقه – Ibrahim Hilme Al-Qadiri m/s 12

(10) تاريخ التصوف الاسلامي - Dr Kasim Ghani m/s 288

Kesimpulannya, adalah jelas bahawa Islam itu adalah Syariat, Tariqat dan Hakikat. Ini bererti bahawa Tariqat bukanlah suatu yang diada-adakan atau (بدعة ضلالة) malahan ianya adalah sebahagian dari Islam. Jika sesuatu Tariqat terkeluar dari landasan Syariat maka ianya bukanlah Tariqat yang sebenar. Samalah dengan setiap sesuatu yang bertentangan dengan Syariat ianya bukanlah Syariat dan tidak sekali-kali dinamakan Syariat (11).

Al Iman dan Sufi As-Syeikh Isa Abdul Qadir dalam bukunya *حقائق عن التصوف* ada mengatakan tentang hubungan antara Syariat, Tariqat dan Hakikat, beliau berkata:

فالشرعية هي الأساس, والطريقة هي الوسيلة, والحقيقة هي الثمرة وهذه الاشياء  
الثلاثة متكاملة منسجمة, فمن تمسك بالاولى منها سلك الثانية فوصل  
الى الثالثة, وليس بينها تعارض ولا تناقض

Maksudnya : “Syariah adalah asas, dan Hakikat pula adalah buah (hasil) dan ketiga-tiganya masing-masing menjadi pelengkap antara satu sama yang lain, dan tidak boleh dipisahkan. Maka sesiapa yang berpegang kepada pertama (Syariat) maka ia menuju kepada kedua (Tariqat), maka ia sampai kepada ketiga (Hakikat). Ketiga-tiga tidak ada pertentangan dan percangahan (12)”.

## **10- KEPERLUAN ILMU SYARIAT DALAM AMALAN TARIQAT**

### **(10.1) Tariqat tidak bebas dari Syariat:**

Tariqat tidak boleh bebas dari ikatan Syariat. Dengan lain perkataan, melalui Tariqat sahaja tanpa Syariat tidak memadai untuk sampai kepada Allah. Kalau ada orang mengatakan bahawa Tariqat saja sudah memadai untuk sampai kepada Allah kerana martabatnya telah tinggi dan tidak memerlukan ilmu Syariat kerana ilmu Syariat adalah ilmu kulit dan hanya untuk orang awam sahaja sedangkan ilmu Tariqat itu adalah untuk orang-orang khusus yang sudah terlepas dari Syariat. Maka dakwaan seperti ini adalah nyata batil. Ini berpunca dari kejahilan tentang konsep Tariqat yang sebenar atau pendapat seperti ini sengaja diutarakan untuk merosakkan Islam dari dalam dan melahirkan satu kumpulan dikalangan orang Islam untuk menjadi Zindiq (زنديق) yang sentiasa mencabar Syariat dengan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal, cara ini akan menyebabkan umat Islam berpecah-belah.

### **(10.2) Kaedah mengukur dalam Islam:**

Untuk mengukur secara tepat, sama ada Tariqat dan Tasawuf, malahan setiap pemikiran, pendapat dan tindakan adalah betul dan tidak bercanggah dengan ajaran Islam ialah sejauh mana ianya bersesuaian dan serasi dengan Islam, serta bertepatan dengan kehendak Syariat dan bermutabaqah dengan Al-Quran

---

(11) Tasawuf sejarah perkembangan dan sejarahnya – Dato’ Dr Mahmud Saedon m/s 75

(12) *حقائق عن التصوف* – As-Syeikh Isa Abdul Qadir m/s 475

dan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Maka untuk mengukurnya, ada kaedah di dalam Islam iaitu “**memelihara peraturan Syariat adalah wajib**” (13).

Sehubungan dengan kaedah “**memelihara peraturan Syariat adalah wajib**” ini, maka ulama Sufi telah menegaskan :Jika kamu melihat seseorang itu berjalan di atas air, Sedangkan ianya melakukan larangan-larangan dan tegahan-tegahan syara’, ketahuilah bahawasanya ianya adalah syaitan, menurut Imam Ghazali kata-kata ini adalah benar dan hak (14).

Seorang ulama bernama Abu Yazid Al-Bistani ada memberikan nasihat kepada umat Islam yang ingin bertariqat dengan seseorang yang mengakui dirinya Mursyed yang memiliki keramat yang luar biasa dengan katanya: Kiranya kamu melihat ada orang yang di beri keramat dengan banyaknya sehingga ianya boleh terbang di udara jangan kamu dekati kerana terpersona dan kagum, hingga setelah kau perhatikan keadaanya, sikap dan tindakannya terhadap suruhan Allah dan tegahanNya, juga terhadap batas dan adab Syariat hendaklah dipastikan yang ianya berpegang dengan Syariat (15).

#### (10.3) **Tidak sampai matlamat Tariqat tanpa Syariat:**

Seorang ulama Sufi bernama As-Syeikh Najmuddin Al-Kubra ada menyebut dalam kitabnya bertajuk (جميع الأولياء). Beliau mengatakan: Syariat itu merupakan huraian, Tariqat itu merupakan pelaksanaan Hakikat itu merupakan keadaan, dan Makrifat itu merupakan tujuan pokok, yakni pengenalan Tuhan yang sebenar-benarnya. Seterusnya beliau memberi contoh: seperti bersuci (Taharah) pada Syariat dengan air atau tanah. Pada Tariqat bersih dari hawa nafsu, pada Hakikat bersih hati dari selain Allah, semuanya itu untuk mencapai Makrifat terhadap Allah. Oleh kerana itu orang tidak cukup pada Syariat saja, mengambil Tariqat atau Hakikat saja. Lalu beliau memperbandingkan Syariat itu ibarat kapal atau sampan, Tariqat itu ibarat lautan, Hakikat itu ibarat mutiara. Maka orang yang tidak akan dapat mutiara tanpa menaiki kapal dan belayar di lautan (16).

#### (10.4) **Tariqat perlukan panduan Syariat:**

Setiap Tariqat memerlukan panduan Syariat pada melaksanakan ibadat dan amal. Dalam ilmu fiqah misalnya, suatu hukum adakalanya tiga macam cara mengerjakannya. Jika dikatakan dalam istilah Tasawuf; Syariat itu ada tiga macam Tariqat untuk mencapai tujuannya, misalnya: Rasulullah Sallallahu

---

(13) الفتاوى الفاطانية - As-Syeikh Ahmad bin Mohd. Zain Fatani m/s 259

(14) من اعلام التصوف الاسلامي – Taha Abdul Baqqi m/s 28

(15) الشريعة والطريقة – As-Syeikh Zakaryi Al-Kandahuwi m/s 108

(16) Pengantar Ilmu Tariqat (huraian Tentang Mistik) – H. Abu Bakar ACEH m/s 51 dan 52

Alaihi Wasallam membasuh tangan dalam berudhu ada satu kali, ada pula yang dikerjakan Baginda dua kali dan ada juga dikerjakannya tiga kali dengan ada keterangan mengenai tiga cara tersebut melalui Syariat.

**(10.5) Untuk mencapai Taqarrub kepada Allah, amalan Syariat memerlukan Tariqat.**

Amal ibadat yang di tuntutan untuk dikerjakan perlu dijiwai supaya sampai kepada matlamatnya iaitu **Taqarrub** (تقرب) kepada Allah Subhanahu Wataala. Misalnya melalui zikir. Untuk jelasnya saya petik dialog antara Saidina Ali Radhiallahu Anhu dengan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai “Taqarrub” untuk menebalkan keyakinan kepada Allah. Saidina Ali bertanya kepada Rasulullah, tunjukkan aku Ya Rasulullah Turuq (jalan) yang sedekat-dekatnya dan semudah-mudahnya serta yang semulia-mulianya kepada Allah, yang mudah dikerjakan oleh hambaNya. Jawab Baginda; Ya Ali, hendaklah kau selalu zikir dan ingat kepada Tuhan, terang-terangan atau diam-diam. Kata Saidina Ali, Tiap orang berzikir, sedang aku menghendaki daripada mu Ya Rasulullah yang khusus untuk ku; Jawab Baginda; Sebaik-baik perkataan yang aku ucapkan dan yang diucapkan oleh Nabi-Nabi sebelumku ialah Kalimah Syahadat (لا اله الا الله) tiada Tuhan melainkan Allah. jika di timbang dengan dacing pada sebelah daun timbangan, dan ditumpukkan tujuh petala langit dan tujuh petala bumi pada daun timbangan yang lain, pasti daun timbangan yang memuat kalimah Syahadat itu lebih berat (17). Ini jelas bahawa Rasulullah mengajar umat Islam supaya meresapkan keesaan Allah melalui zikir akan mencapai Taqarrub kepada Allah dalam amal ibadat yang dikerjakan. Di samping itu, perlu difahami dari dialog tersebut, supaya tidak di salah ertikan seolah-olah tidak perlu sembahyang, puasa, membayar zakat dan naik Haji jika mahu Taqarrub kepada Allah, cukup dengan berzikir saja dan Tariqat dan mursyednya yang akan membimbingnya. Tanggapan seperti ini adalah nyata salahnya kerana setiap suruhan atau perintah untuk dikerjakan adalah wajib hukumnya, cuma adakalanya apabila kita melaksanakan ibadat tidak dijiwai dengan keyakinan memtauhidkan Allah. oleh itu Nabi mangajar umat Islam supaya semua ibadat hendaklah dijiwai terlebih dahulu dengan meresapkan keesaan Tuhan maka baru timbul taat dan ikhlas beribadat kepada Allah.

**(10.6) Tariqat perlu mengikut batas Syariat:**

Al-Iman Ghazali berkata:

“Semua perbuatan yang ikhtiari di timbang dengan timbangan syara’ dan dibataskan mengikut batas-batas syara’, kerana tidak boleh sama sekali menjalani perjalanan (Tariqat) ini melainkan selepas menyempurnakan diri dengan semua akhlak Syariat yang mulia, setiap salik tidak akan sampai

---

(17) Di petik dari buku: Pengantar Ilmu Tariqat : A.Abu Bakar Acheh m/s 49

melainkan yang telah menegakkan amalan-amalan sunat. Bagaimana sampai kepada hakikat sedangkan ia mengabaikan yang Fardhu (18).” Berdasarkan kata Al-Imam Ghazali ini, amalan Tariqat wajib mengikut batas akhlak Syariat. Tidak akan sampai matlamat Tariqat iaitu menuju Hakikat jika Salik mengabaikan tuntutan Fardhu dalam hukum syara’

**(10.7) Syariat sebagai panduan amalan Tariqat supaya tidak berlebih-lebihan.**

Ugama Islam melalui Syariatnya telah tersedia panduan dalam memastikan umat Islam tidak berlebih-lebihan dalam beramal ibadat. Ugama Islam yang di bawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam datang dengan membawa pertimbangan yang paling baik antara kehidupan rohaniah dan jasmaniah serta penggunaan akal.

Manusia itu sebagaimana yang digambarkan oleh Agama terdiri dari tiga unsur: roh, akal dan jasad. Masing-masing dari tiga unsur itu di beri hak sesuai dengan keperluan.

Sehubungan dengan ajaran Islam supaya umat Islam bersederhana dalam beribadat, bagaimana Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam melihat salah seorang sahabat Baginda berlebih-lebihan dalam satu segi. Sahabat tersebut segera di tegur oleh Baginda. Sebagaimana yang terjadi kepada Abdullah bin Amr. Abdullah berpuasa terus menurus dan tidak pernah berbuka. Beliau juga beribadat sepanjang malam tidak pernah tidur, serta meninggalkan isteri dan kewajipannya. Lalu Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menegur dengan sabda Baginda:

“Wahai Abdullah, sesungguhnya bagi dirimu ada hak (untuk tidur) bagi isteri dan keluargamu ada hak (untuk bergaul) dan bagi jasadmu ada hak. Maka masing-masing ada haknya.”

Satu peristiwa lagi berlaku apabila sekumpulan para sahabat yang ingin berlebih-lebihan dalam beribadat telah berjumpa dan bertanya kepada isteri-isteri Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam hal ibadat Baginda yang luar biasa. Mereka (para isteri-isteri Nabi) menjawab: “Kami amat jauh daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang dosanya telah diampuni oleh Allah Subhanahu Wataala sama ada dosa yang telah lampau maupun dosa yang

---

(18) Tasawuf sejarah perkembangan dan persoalan – Dr Mahmud Saedon m/s 100

belum dilakukannya”. Kemudian salah seorang sahabat berkata: “ Aku akan beribadat sepanjang malam”. Sedang yang lain mengatakan : “ Aku tidak akan berkahwin”, kemudian hal itu sampai kepada pengetahuan Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu mereka di panggil dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda di hadapan mereka:

“ Sesungguhnya aku ini lebih mengetahui daripada kamu akan makrifat Allah dan aku lebih takut kepadaNya daripada kamu, tetapi aku bangun, tidur, berpuasa, berbuka, berkahwin dan sebagainya. Semuanya itu adalah sunnah ku. Barangsiapa yang tidak senang dengan sunnah ku ini, maka ia tidak termasuk golongan ku”. (19)

Kerana itulah Islam melarang melakukan hal-hal yang berlebih-lebihan termasuk dalam keghairahan kita beramal dalam Tariqat.

#### **11- CONTOH BEBERAPA KUMPULAN TARIQAT YANG TELAH DI WARTAKAN SEBAGAI AJARAN SESAT DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

Saya sengaja menyelitkan beberapa kumpulan Tariqat yang telah diwartakan dan telah difatwakan sebagai ajaran sesat di Negara Brunei Darussalam supaya dapat dijadikan iktibar dan pertimbangan kita yang berhasrat memasuki mana-mana kumpulan Tariqat supaya kita tidak terjebak dalam perangkap yang mengaku dirinya mursyid walhal sebahagian dari mereka ini adalah syaitan yang bertujuan untuk memenuhi kepentingan peribadi mereka dan dalam masa yang sama merosakkan aqidah orang-orang Islam di Negara ini. Mengikut catatan yang diperolehi dari jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama, kumpulan-kumpulan yang berbentuk Tariqat yang telah diwartakan dan difatwakan sebagai ajaran sesat dari tahun 1970 hingga tahun 2002 terdapat kira-kira lapan kumpulan yang bergiat di Negara ini seperti berikut:

- (1) Ajaran Baha'yyah : Pengasasnya Mirza Muhamad Ali dan Mirza Hussein Ali.
- (2) Ajaran Qadiani : Pengasasnya Mirza Ghulam Ahmad Qadiani.
- (3) Ajaran Mufarridiyyah: Pengasasnya Sheikh Muhammad bin Makmun.
- (4) Jamaah Al-Arqam : Pengasasnya Ashaari bin Muhammad.
- (5) Tariqat Abd Razak : Pengasasnya Abd. Razak bin Hj Muhammad.
- (6) Ajaran Silat Lintau : Pengasasnya Ishak bin Hassan.
- (7) Ajaran Saihoni bin Tasipan : Pengasasnya Saihoni bin Tasipan.
- (8) Persaudaraan Ilmu dalam Al-Ma'unah Malaysia : Pengasasnya Mohd. Amin bin Razali.

---

(19) Di petik dari Fatwa Qardhawi – Oleh Dr Yusuf Al-Qardhawi

Secara ringkas saya paparkan sebahagian dari kumpulan tersebut dengan mengatakan ciri-ciri kesesatannya yang bertentangan dengan Syariat seperti berikut:

### 1- **Tariqat Mufarridiyyah**

Nama pengasas: Syeikh Muhammad bin Makmun

Tarikh difatwakan sebagai ajaran sesat : 14 Jamadilakhir 1399H/ 12 Mei 1979M

Ciri-ciri kesesatan:

- Mempercayai kewujudan malaikat bernama Malakul Ilham telah turun ke dada pengasas semasa berada di Makkah dan mengajarkan kepadanya zikir-zikir yang diamalkan selepas sembahyang fardhu bagi menuju ketaatan kepada Allah Subhanahu Wataala.
- Pengasas mendakwa menerima ijazah ‘Sabaqal Mufarridun’ di Sukabumi, Jakarta, Indonesia.
- Mendahulukan mempergunakan ijazah daripada menggunakan akal.
- Mematuhi apa-apa yang didatangkan Tuhan dengan perantaraan syeikh.
- Mendakwa diberi keistimewaan kerana mengamal tariqat ini berbanding dengan manusia yang lain berpandukan kepada kefahaman mereka sendiri terhadap hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menyebutkan “Sabaqal Mufarridun” iaitu hadis yang secara khusus menunjuk kelebihan kumpulan mereka.

### 2- **Kumpulan ajaran Saihoni bin Tasipan.**

Nama pengasas: Saihoni bin Tasipan.

Tarikh difatwakan sebagai ajaran sesat: 22 Ramadhan 1421H / 19 Disember 2000M

Tarikh warta pengharamkan: 15 Jamadilakhir 1423H / 24 Ogos 2002M dalam Warta kerajaan, bil. 18, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Bab 42.

Ciri-ciri kesesatan:

- Mendakwa boleh memanggil roh atau tahdirul arwah.
- Mendakwa mengetahui wali-wali Allah Subhanahu Wataala.
- Pengasas mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib yang berlaku di Negara Brunei Darussalam.

### 3- **Kumpulan Al-Ma’unah**

Nama pengasas: Mohd. Amin bin Razali

Tarikh difatwakan sebagai ajaran sesat: 9 Safar 1422H / 3 Mei 2001M

Tarikh warta pengharamkan: 15 Jamadilakhir 1423H / 24 Ogos 2002M dalam Warta Kerajaan, bil. 18, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Bab 42.

Cirri-ciri kesesatan:

- Mendakwa boleh menggunakan kuasa-kuasa ghaib pada bila-bila masa sahaja diperlukan.
- Mempercayai asal kejadian daripada Nur Muhammad.
- Menggunakan tangkal dan mempercayainya ada kuasa atau kesan mendapatkan kebaikan dan menolak kemudharatan.

#### **4- Tariqat Abdul Razak**

Nama pengasas: Abdul Razak bin Haji Muhammad.

Tarikh difatwakan sebagai ajaran sesat : 14 Jamadilakhir 1399H / 12 Mei 1970M & 10 Sya'ban 1414H / 22 Januari 1994M

Tarikh warta: 15 Jamadilakhir 1423H / 24 Ogos 2002M dalam Warta Kerajaan, bil. 18, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Bab 42.

Ciri-ciri kesesatan:

- Mendakwa boleh menghadirkan roh dan tahtdirul arwah.
- Mendakwa penjelmaan zat Allah dalam jasad Rasulullah (hulul wa tajsim).
- Pengasas mengaku sebagai wali Allah dan mendakwa berjumpa Nabi-nabi dan wali-wali termasuk Syeikh Abdul Qadir Jailani.

#### **5- Kumpulan ajaran Qadiani.**

Nama pengasas: Mirza Ghulam Ahmad Qadiani

Tarikh difatwakan sebagai ajaran sesat: 19 Jamadilakhir 1390H / 22 Ogos 1970M

Ciri-ciri kesesatan:

- Pengasas mendakwa sebagai Nabi yang menerima wahyu.
- Pengasas mendakwa sebagai Imam Mahdi.
- Pengasas mendakwa sebagai Nabi Isa Al-Masih.
- Pengasas mendakwa mempunyai mukjizat,
- Pengasas mendakwa malaikat sebagai pancaindera Tuhan.
- Pengasas mendakwa Nabi Isa 'alaihi salam telah mati dan kuburnya di Srinagar.

## **12- BEBERAPA SARANAN DAN PANDANGAN**

Selaras dengan hasrat Negara untuk membina generasi beraqidah dalam meneruskan kelangsungan kedaulatan dan pembangunan nrgara dan bangsa Brunei. Saya utarakan beberapa saranan dan pandangan bagaimana pembangunan kerohanian melalui amalan bertaiqat dapat berperanan mengikut lanas-lunas syara' untuk renungan bersama iaitu:

### **(12.1) Pendokong Tariqat perlu menguasai ilmu Syariat, Ilmu kesufian dan ilmu alat:**

Pendokong Tariqat perlu memiliki dan menguasai ilmu yang berkaitan dengan kesufian, ilmu Syariat dan ilmu alat yang lain. Hal ini adalah prinsip asas Tasawuf. Seseorang yang tidak mempunyai ilmu berkenaan akan mudah diselewingkan oleh golongan tertentu yang mengambil kesempatan mengembangkan pengaruhnya untuk kepentingan peribadi. Kelebiahn orang-orang yang berilmu ialah dapat mentahqiq dan mentadqiq apa jua ajaran yang mereka terima dan dapat menentukan mana ajaran yang betul dan mana ajaran yang bertentangan dengan hukum syara'.

Firman Allah Taala:

– قل هل يستوى الذين يعلمون والذين لا يعلمون  
9 – الزمر

Maksudnya: “Katakanlah adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui”.

### **(12.2) Perkembangan Tariqat perlu di pantau:**

Amalan Tariqat yang murni dan berlandasan Syariat adalah sama sekali tidak akan membawa kepada kebatilan, malah ianya perlu dan baik dalam usaha kita membina masyarakat beraqidah yang berakhlakkan Al-Quran. Cuma adanya terdapat beberapa golongan yang cuba mempengaruhi orang-orang Brunei dengan menyebarkan ajaran yang batil. Ini perlu di pantau agar penyelewengan berkenaan tidak merebak dan boleh merosakkan aqidah umat Islam di Negara ini.

Untuk pemantauan lebih berkesan satu mekanisme perlu diadakan untuk menilai perkembangan Tariqat supaya terus berada di atas landasan yang sebenar dengan melakukan pembaikan dan pemurnian manhaj sesuai dengan peredaran masa dan kemampuan masyarakat semasa.

**(12.3) Ilmu Tasawuf perlu dipelajari oleh masyarakat.**

Tasawuf sewajarnya di ketengahkan sebagai ilmu masyarakat, kerana tidak ada keraguan tentang ilmu Tasawuf adalah antara disiplin ilmu Islam yang terpenting. Maka seharusnya pihak berwajib membuka seluas-luasnya kepada masyarakat untuk mempelajari, menghayati dan mengamalkannya.

Walaupun ada pihak sering mengaitkan golongan Tariqat Tasawuf adalah golongan memencilkan diri dari arus perdana dan tidak sama-sama mempertahankan Negara sehingga timbul pelbagai pandangan negatif dilemparkan kepada mereka. Hakikatnya, berdasarkan sejarah, merekalah yang selalunya kehadapan dalam mempertahankan kedaulatan Negara Islam. Golongan Sufi dikalangan Tabi'in seperti Uwais Al-Qarni, Abu Muslim Al-Khawlani, Al-Aswad bin Yazid, Hasan Al-Basri dan lain-lain adalah antara ahli Sufi yang mengutamakan urusan mempertahankan daulah Islamiah lebih dari ibadat sunat (20).

Hasan Al-Basri pernah berkata:

ما عمل عمل بعد الجهاد في سبيل الله، أفضل من ناشئة الليل

Maksudnya: “Tiada satu amalan yang paling utama selepas daripada (bertungkus-lumus dalam) jihad fi sabilillah melainkan menghidupkan malam”.

**(12.4) Pendedahan penyelewengan amalan Tariqat kepada masyarakat:**

Adalah diakui bahawa pihak yang berwajib setakat ini telah ada menyediakan panduan melalui fatwa bagaimana mengenal ajaran sesat. Lebih-lebih lagi isu ajaran sesat khususnya melalui Tariqat ini telah dibincang di dalam pertemuan tidak rasmi Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia dan Singapura (MABIMS). Tetapi setakat ini, masyarakat Islam di Negara ini agak susah untuk mendapatkan panduan tersebut. Maka disarankan supaya disebarikan secara meluas panduan mengesan ajaran sesat kepada masyarakat, supaya orang-orang Islam di Brunei tidak mudah terpedaya dengan ajaran keugamaan yang nampak zahirnya adalah murni dan betul tetapi pada hakikatnya adalah ajaran syaitan.

**(12.5) Mewujudkan media yang berautoriti:**

Sesuai zaman sekarang adalah zaman Teknologi Maklumat (IT) disarankan pihak yang berautoriti perlu ada (sekurang-kurangnya) Laman Web, untuk menyalurkan kepada masyarakat tentang apa saja yang berhubung dengan

---

(20) As'ad Al-Khatib – Al-Butulah wal-fida' inda al-Sufiyyah dirasah Tarrikhyyah m/s 49

ilmu Tasawuf dan amalan Tariqat. Dengan cara ini, masyarakat boleh memperolehi maklumat yang betul dan dapat mengikuti pelbagai perbincangan daripada pengamal Tariqat Tasawuf, cendekiawan dan pengkritik membina supaya segala ilmu ini dapat di ketengahkan berdasarkan prinsipnya yang sebenar seterusnya membimbing masyarakat daripada terseleweng oleh dakwah ilmu batiniah yang songsang.

### 13- KESIMPULAN

Sebagai wadah pengukuhan kerohanian di Negara ini, amalan Tariqat Tasawuf hendaklah di nilai dari aspek yang positif. Selama mana perjalanan Tariqat itu mengikut landasan Syariat yang murni dan betul. Jika pun ada beberapa kelemahan daripada fenomena pengamal Tariqat yang sedia ada, seharusnya tidak dijadikan bahan untuk menafikan sumbangan Tasawuf dalam pembinaan masyarakat Brunei yang beragama.

Dalam masa yang sama, masyarakat Islam di Negara ini jangan terlalu ghairah memasuki mana-mana kumpulan Tariqat yang belum pasti kemurniannya dari aspek ajarannya yang berlandaskan syara', dan memang telah difirmankan Allah dalam Al-Quran bahawa kita hidup ini sepanjang hayat dipenuhi dengan ujian dari Allah, dan salah satu dari ujian tersebut, adanya golongan yang cuba menyesatkan kita dan menyelewengkan kita dari aqidah yang murni dan haq.

Firman Allah Taala:

الذی خلف الموت والحياة لیبلوكم أیکم احسن عملا –  
التبارع 2

Maksudnya: “Allah menjadikan kita dari tiada kepada ada semata-mata untuk diuji siapa yang lebih baik amalnya”.

Dan firman Allah Taala lagi:

أحسب الناس أن یترکوا ان یقولوا ءامنا وهم لا یفتنون-  
العنکبوت 2

Maksudnya: “Apakah manusia itu mangira bahawa mereka dibiarkan (saja) mengatakan ‘kami telah beriman’ sedang mereka tidak di uji lagi”.

Sekian.

وبالله التوفیق والهدایة

## RUJUKAN

1. Al-Quran Al-Karim
2. Syeikh Isa Abd. Kadir - حقائق عن التصوف
3. Ahmad Taufiq Iyad - 1970 التصوف الاسلامى مكتب انجلو المصرية
4. Taha Abd. Baaqi - من اعلام التصوف الاسلامى دار النهضة مصر
5. Syeikh Abd. Hafiz Faraghli Ali Al-Qarani – مبادئ التصوف الاسلامى – Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan 2005.
6. Syyid Husein Nasr – Tasawuf Dulu dan Sekarang.  
Pustaka Firdaus 1985.
7. Abu Mazaya Al-Hafiz – Meniti Jalan Menuju Syurga.  
Al-Hidayat Publishers 2002.
8. Siti Norbaya Abd. Kadir – Ajaran Sesat, Sejarah kemunculan dan Ciri-cirinya.  
Al-Hidayat Publishers 2007.
9. Al-Syehid Dr Abdullah Yusuf Azzam – Aqidah Asas Wawasan Ummah.  
Pustaka Ilmi 1996.
10. Dr Abd. Al-Fattah Ahmad Al-Fawi – Akidah & Suluk dalam Tasawuf Antara Keaslian dan Penyelewengan.  
Percetakan Zafar Sdn.Bhd 2001.
11. Dr Abd. Halim Mahmud – المنقذ من الفلال لحجة الاسلام الغزالي دار الحديث 1974
12. Haji Zainal Arifin Abbas – Ilmu Tasawuf .  
Firma Madju Medan 1966
13. Dr Mahmud Saedon Awang Othman – Tasawuf Sejarah Perkembangan dan Persoalan.  
Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia 1987.
14. H. Abu Bakar Atjeh – Pengantar Ilmu Tarekat.  
FA. H.M. Tawi & Son Jakarta 1966.
15. Dr Kasim Ghani – 1970 تاريخ التصوف فى الاسلام مكتبة النهضة المصرية
16. Syeikh Abdus Samad Al-Palimbani – سير السالكين مكتبة دار المعارف ملسيا
17. Syeikh Abdus Samad Al-Palimbani – هداية السالكين  
Maktab Sulaiman Marie Singapura.
18. Dr Yusuf Musa – المدخل لدراسة الفقه الاسلامى –  
دار الفكر العربي . مصر 1966
19. Warta Kerjaan Negara Brunei Darussalam. Bahagian IV
20. Beberapa Maklumat dari jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama.
21. Petikkan Fatwa Dr Yusuf Al-Qaradhawi – Dari Majalah IZ 2007.
22. Ihsan Ilaahi Zaahir – Belitan Iblis Dalam Ajaran Tariqat.  
Jasmin Enterprise Kuala Lumpur 2003.